

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Incorporated in Malaysia – Company No. 524989-M)

BERITA HARIAN – Bisnes – Monday, 09 September (C)

Tangani isu defisit fiskal negara

» Tindakan kerajaan naikkan harga petrol disokong



RITA BENOY BUSHON

Langkah kerajaan menaikkan harga petrol sebanyak 20 sen seliter menerima pelbagai kecaman daripada orang awam.

Tindakan itu adalah langkah fiskal awal yang diambil oleh kerajaan untuk menangani isu defisit fiskal dan kedudukan akaun semasa negara.

Kami percaya bahawa kita akan berdepan dengan keadaan ekonomi yang memerlukan perbelanjaan diketatkan.

Walaupun langkah yang diambil kerajaan itu adalah memeritkan, kami berpendapat ia berpatutan dan kami menyokongnya.

Kami mahu melihat penjimatan daripada pengurangan subsidi minyak itu disalurkan ke sektor yang memberikan kesan penggandaan positif terhadap ekonomi ne-

gara seperti sektor pengangkutan awam.

Saya juga ingin berkongsi berita baik mengenai kedudukan Malaysia yang telah beranjak ke atas dari kedudukan tangga ke-25 ke tangga ke-24 sebagai sebuah negara paling berdaya saing yang disenaraikan oleh Forum Ekonomi Dunia bagi 2013.

Dalam hal berasingan, kami ingin memberi perhatian terhadap tindakan penguatkuasaan yang diambil Bursa Malaysia terhadap syarikat mengenai perbezaan ketara antara angka yang diaudit berbanding dengan yang belum diaudit.

Antara tindakan yang dikenakan adalah denda sebanyak RM25,000 ke atas setiap ahli Jawatankuasa Audit.

Selain itu, pengarah syarikat dan pegawai berkaitan dikehendaki menghadiri latihan mengenai penyata kewangan.

Beri peringatan

Kami percaya langkah yang diambil oleh Bursa Malaysia itu akan memberi peringatan kepada semua ahli lembaga pengarah syarikat mengenai pentingnya perhatian diberi

ke atas hal-hal berkaitan ke wangan syarikat.

Menyentuh mengenai senario antarabangsa, pengambilalihan perniagaan telefon Nokia oleh Microsoft bernilai AS\$7.2 bilion adalah wajar memandangkan kedua-dua pihak perlu membina pakatan un-

tuk bersaing dengan nama besar seperti Google dan Apple di dalam pasaran yang sangat kompetitif.

Pengambilalihan ini kelihatan menguntungkan kedua-dua pihak: Microsoft memerlukan satu platform jangka panjang untuk menembusi pasaran telefon pintar bagi mengem-

bangkan perniagaan aplikasi perisiannya walhal Nokia memerlukan dana untuk mengekalkan perniagaannya.

Pemegang saham kedua-dua syarikat mengharapkan nilai sinergi jangka panjang dapat dihasilkan dengan gabungan ini.



Penulis

ialah Ketua Eksekutif Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Bhd (MSWG)

“
Walaupun langkah yang diambil kerajaan itu adalah memeritkan, kami berpendapat ia berpatutan dan kami menyokongnya”